

# APA ITU APEL?



APEL adalah pengakreditan pembelajaran berdasarkan pengalaman terdahulu (Accreditation of Prior Experiential Learning – APEL). APEL didefinisikan sebagai satu proses sistematik yang melibatkan identifikasi, dokumentasi dan penilaian pembelajaran berdasarkan pengalaman terdahulu.

Secara umumnya, proses APEL melibatkan penilaian pembelajaran berdasarkan pengalaman yang boleh diperolehi melalui pelbagai kaedah termasuk persekolahan yang formal, pengalaman hidup dan pekerjaan, latihan, pengajian bebas, kerja suka rela, hobi dan seumpamanya.

# KENAPA APEL?



APEL diwujudkan bagi menyediakan laluan kemasukan alternatif kepada mereka yang memiliki pendidikan formal yang kurang mencukupi untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

APEL menggalakkan seseorang individu untuk meningkatkan pengetahuan secara berterusan yang membawa kepada penganugerahan sijil kelayakan formal. Ini seterusnya akan memberi peluang yang lebih cerah dalam perkembangan kerjaya individu tersebut.



# BERMINAT?

Berikut adalah kriteria asas yang perlu dipatuhi :

- i. Bagi Kemasukan ke Program Peringkat Ijazah Sarjana Calon haruslah warganegara Malaysia berumur 30 tahun ke atas pada tahun permohonan di buat. Memiliki sekurang-kurangnya STPM / diploma / setara dengan pengalaman kerja yang berkaitan dan lulus penilaian APEL.
- ii. Bagi Kemasukan ke Program Peringkat Ijazah Sarjana Muda Calon haruslah warganegara Malaysia berumur 21 tahun ke atas pada tahun permohonan dan memiliki pengalaman kerja yang berkaitan dan lulus penilaian APEL.
- iii. Bagi Kemasukan ke Program Peringkat Diploma Calon haruslah warganegara Malaysia berumur 20 tahun ke atas pada tahun permohonan dan memiliki pengalaman kerja yang berkaitan dan lulus penilaian APEL.
- iv. Bagi Kemasukan ke Program Peringkat Sijil Calon haruslah warganegara Malaysia berumur 19 tahun ke atas pada tahun permohonan dan memiliki pengalaman kerja yang berkaitan dan lulus penilaian APEL.

## SENARAI FI

KELAYAKAN TAHAP MQF	SYARAT KELAYAKAN MASUK	FI
Sijil (Tahap 3)	Calon hendaklah berumur 19 tahun ke atas Pada tarikh permohonan dibuat serta memiliki pengalaman kerja yang berkaitan	RM155
Diploma (Tahap 4)	Calon hendaklah berumur 20 tahun ke atas Pada tarikh permohonan dibuat serta memiliki pengalaman kerja yang berkaitan	RM155
Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6)	Calon hendaklah berumur 21 tahun ke atas Pada tarikh permohonan dibuat serta memiliki pengalaman kerja yang berkaitan	RM250
Ijazah Sarjana (Tahap 3)	Calon hendaklah berumur 30 tahun ke atas Pada tarikh permohonan dibuat serta memiliki sekurang-kurangnya STPM / Diploma / Setara serta memiliki pengalaman kerja yang berkaitan	RM370

AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA(MQA)  
www2.mqa.gov.my/apel  
E-mel: unitapel@mqa.gov.my

-  [www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my)
-  OFFICIAL : Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
-  MQA Malaysia (@MQAMalaysia)
-  MQA\_Malaysia



# PENGAKREDITAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PENGALAMAN TERDAHULU

“Pembelajaran terdahulu bermaksud ilmu pengetahuan, kemahiran atau sikap yang diperolehi sebelumnya dan mencakupi pengalaman terdahulu”  
(Akta Agensi Kelayakan Malaysia, 2007) (Akta 679)



